



BULETIN KESELAMATAN IRATA SB13

PERCIKAN API DARI AMBIN TAMBATAN DAWAI

No. Terbitan	SB13
Tarikh Terbitan	22.03.2010
Penerbit	Jawatankuasa Kesihatan & Keselamatan IRATA
Status	Respons awal terhadap laporan ahli yang bertugas

Buletin ini diterbitkan untuk makluman mereka yang bertanggungjawab menjalankan kerja akses kerja operasi serta penasihat kesihatan dan keselamatan.



Seorang ahli yang bekerja di platform minyak mengemukakan laporan kemungkinan ketakakuran/penambahbaikan, setelah mendapati percikan api terhasil dari ambin tambatan dawai tergalvani. Oleh sebab kemungkinan menyebabkan percikan api wajib dielakkan dalam mana-mana keadaan yang berpotensi mudah meletup, kerja telah dihentikan. Di kawasan yang selamat, percikan api telah diulang dengan menggosok dawai pada sekeping keluli berkarat.

Kemungkinan punca percikan api ini terlalu rumit untuk dihuraikan dalam buletin keselamatan ini, tetapi tindakan awasan yang berikut disarankan.

Sekiranya penggunaan peralatan yang secara intrinsik selamat adalah suatu keperluan, pertimbangan hendaklah diberikan pada penggunaan ambin tambatan yang diperbuat daripada serat buatan manusia, dengan mengambil kira bahawa ia kurang resistan terhadap haba, lelasan atau bahan kimia berbanding tali atau rantai dawai.